

Rujukan Kami : USM.JB.HB.G.2/2025

Tarikh : 14 Januari 2025

Pengarah Kampus/ Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan/  
Pusat Pengajian/ Pusat/ Jabatan/ Unit  
Kampus Induk/ Kampus Kejuruteraan/ Kampus Kesihatan

YBhg. Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

**HEBAHAN BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2025  
SYARAT-SYARAT ELAUN GANTIAN KERETA RASMI JAWATAN DAN ELAUN INSENTIF  
KENDERAAN KEPADA KETUA JABATAN**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.


2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Gabenor Universiti ke-160 pada 18 Disember 2024 telah bersetuju meluluskan **Syarat-Syarat Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan Dan Elaun Insentif Kenderaan Kepada Ketua Jabatan** (seperti di Lampiran A).
3. Ketua Jabatan yang layak akan menerima Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan (bagi Gred Utama Jusa C dan ke atas) sebanyak RM2,000.00 sebulan, manakala Elaun Insentif Kenderaan (bagi Skim Akademik - Gred SSPA 15 dan ke bawah) sebanyak RM1,500 sebulan.
4. **Penerima elaun perlu mengisi Borang Akuan Penerimaan Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan / Elaun Insentif Kenderaan Kepada Ketua Jabatan seterusnya mengemukakan salinan polisi insurans kenderaan terkini secara tahunan sebelum 15 Januari** kepada Seksyen Aset, Kenderaan Dan Insurans, Jabatan Bendahari. Kelulusan pemberian elaun adalah tertakluk kepada **Syarat-Syarat Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan Dan Elaun Insentif Kenderaan Kepada Ketua Jabatan**.
5. Peraturan ini adalah berkuat kuasa pada **1 Januari 2025**. Dengan pemakaian hebahan ini, maka Hebahan Bendahari Bil. 8 Tahun 2023 - Pindaan Syarat Pemberian Elaun Ganti Kereta Rasmi Kepada Ketua Jabatan adalah **terbatal**.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



(RAFIZAL BIN ABD RAHIM)  
Bendahari

**Jabatan Bendahari**

Bursary

Universiti Sains Malaysia

11800 USM Pulau Pinang

T: 04-6533131 / 04-6534288

F: 04-6588205

E: [bursar@usm.my](mailto:bursar@usm.my)

L: [bursary.usm.my](http://bursary.usm.my) / [www.usm.my](http://www.usm.my)



**HEBAHAN BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2025  
SYARAT-SYARAT ELAUN GANTIAN KERETA RASMI JAWATAN DAN ELAUN INSENTIF  
KENDERAAN KEPADA KETUA JABATAN**

s.k. Naib Canselor

Pendaftar

Timbalan Bendahari  
Kampus Cawangan Kesihatan

Ketua Penolong Bendahari  
Kampus Cawangan Kejuruteraan

*RAR/ZZ/IMB/dn*

**SYARAT-SYARAT ELAUN GANTIAN KERETA RASMI JAWATAN  
DAN ELAUN INSENTIF KENDERAAN KEPADA KETUA JABATAN**

1. Ketua Jabatan yang layak mendapat peruntukan Kereta Rasmi Jawatan hanya akan diberi Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan bagi Gred Utama Jusa C dan ke atas sebanyak RM2,000.00 sebulan dan Elaun Insentif Kenderaan bagi Skim Akademik - Gred SSPA 15 dan ke bawah sebanyak RM1,500 sebulan kecuali Naib Canselor dan Timbalan – Timbalan Naib Canselor.
2. Elaun-elaun ini dikategorikan sebagai elaun tidak berpencen dan bercukai.
3. Ketua Jabatan yang menerima Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan atau Elaun Insentif Kenderaan dikehendaki memiliki kereta yang bersesuaian dengan jawatan yang disandang demi menjaga imej Universiti.
4. Ketua Jabatan diminta untuk memastikan bahawa kenderaan ini perlu dilindungi dengan insurans bermotor komprehensif.
5. Ketua Jabatan perlu mengemukakan **Borang Akuan Penerimaan Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan / Elaun Insentif Kenderaan Kepada Ketua Jabatan** dan **salinan sijil polisi insurans kenderaan terkini secara tahunan sebelum 15 Januari** kepada Seksyen Aset, Kenderaan Dan Insurans, Jabatan Bendahari, Bangunan C04, Universiti Sains Malaysia. Universiti berhak meminta Ketua Jabatan yang menerima Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan atau Elaun Insentif Kenderaan ini untuk mengemukakan bukti pemilikan kenderaan pada bila-bila masa.
6. Pemberian Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan atau Elaun Insentif Kenderaan adalah termasuk tuntutan minyak petrol dari rumah ke pejabat dan dari pejabat ke rumah.
7. Ketua Jabatan masih layak untuk membuat tuntutan perjalanan seperti peraturan sedia ada sekiranya menggunakan kenderaan sendiri bagi urusan rasmi.
8. Ketua Jabatan yang menerima Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan atau Elaun Insentif Kenderaan hendaklah pada sebarang masa menggunakan kenderaan sendiri untuk urusan rasmi sama ada di dalam atau di luar kampus. Namun Ketua Jabatan dibenarkan untuk menggunakan kereta Jabatan untuk Majlis Rasmi Universiti.
9. Ketua Jabatan yang menerima Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan atau Elaun Insentif Kenderaan tidak layak membeli Kenderaan Rasmi Universiti kecuali Naib Canselor dan Timbalan - Timbalan Naib Canselor tertakluk kepada syarat ditetapkan.
10. Ketua Jabatan perlu memaklumkan Jabatan Bendahari sekiranya bercadang untuk menukar/menggunakan kereta selain daripada yang dinyatakan di atas.
11. Kelulusan Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan dan Elaun Insentif Kenderaan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Kegagalan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan boleh menyebabkan tindakan tatatertib diambil terhadap tuan/puan.
12. Syarat-syarat elaun di atas boleh dipinda dari semasa ke semasa oleh pihak Pengurusan Tertinggi Universiti.

**BORANG AKUAN PENERIMAAN ELAUN GANTIAN KERETA RASMI JAWATAN /  
ELAUN INSENTIF KENDERAAN KEPADA KETUA JABATAN**

Saya bersetuju untuk menerima Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan bagi Gred Utama Jusa C dan ke atas sebanyak RM2,000.00 sebulan **atau** Elaun Insentif Kenderaan bagi Skim Akademik - Gred SSPA 15 dan ke bawah sebanyak RM1,500 sebulan berdasarkan syarat kelayakan saya. Saya juga bersetuju mematuhi syarat-syarat pemberian elaun (seperti di Lampiran A) yang telah ditetapkan oleh Universiti dan kegagalan saya mematuhi syarat - syarat yang ditetapkan boleh menyebabkan tindakan tatatertib diambil terhadap saya.

Nama : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Tarikh Lantikan : \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

Pusat Tanggungjawab : \_\_\_\_\_

Model Kereta : \_\_\_\_\_

Kuasa Enjin : \_\_\_\_\_

No. Plat Kereta : \_\_\_\_\_

Tahun Pembelian : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_



# SYARAT-SYARAT ELAUN GANTIAN KERETA RASMI JAWATAN & ELAUN INSENTIF KENDERAAN

1) Ketua Jabatan **LAYAK** diberi Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan sebanyak RM2,000.00 / sebulan bagi jawatan utama (Gred Utama JUSA C dan ke atas) **ATAU** Elaun Insentif Kenderaan sebanyak RM1,500 / sebulan (Skim Akademik Gred SSPA 15 dan ke bawah) kecuali Naib Canselor & Timbalan-Timbalan Naib Canselor

2) Dikategorikan sebagai elaun **tidak berpencen** dan **bercukai**.

3) Dikehendaki memiliki **\*\*kereta yang bersesuaian dengan jawatan yang disandang** demi menjaga imej Universiti.

4) Memastikan bahawa kenderaan ini perlu **dilindungi dengan insurans bermotor komprehensif**.

5) Mengemukakan **borang alukan dan polisi insurans kenderaan** berkenaan **setiap tahun sebelum 15 Januari**

6) Elaun ini adalah termasuk **TUNTUTAN MINYAK PETROL**

7) **LAYAK** untuk membuat tuntutan perjalanan bagi urusan rasmi

8) Menggunakan kenderaan **sendiri** untuk urusan rasmi **kecuali** menggunakan kenderaan Jabatan untuk **Majlis Rasmi Universiti**

9) **TIDAK LAYAK** membeli Kenderaan Rasmi Universiti tertakluk kepada syarat ditetapkan.

10) Syarat-syarat di atas **boleh dipinda** dari semasa ke semasa

